

18/10/2000

Negara minat pelabur miliki kepakaran tertentu

PETALING JAYA, Selasa - Malaysia, yang akan membenarkan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke dalam syarikat tempatan, tidak berminat dengan pelabur yang semata-mata mahu membawa masuk wang bagi mengaut keuntungan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, Malaysia berminat dengan pelabur yang mempunyai kepakaran tertentu dan boleh menyumbang kepada prestasi ekonomi negara melalui pelaburan mereka.

Katanya, Malaysia mahu menjalin kerjasama strategik apabila membenarkan lebih banyak FDI dalam syarikat pelabuhan dan penerbangan tempatan kerana ia amat penting.

"Oleh itu, kita tidak membenarkan mereka hanya datang untuk melabur. Seperti pengurus dana pencen, mereka hanya melabur dan tidak membawa apa-apa kecuali wang.

"Tetapi apa kita mahu lihat ialah pelabur dengan kepakaran, pasaran atau perkhidmatan tertentu yang akan menyumbang ke arah prestasi kemudahan kita menerusi pelaburan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan ucapan pada persidangan k-ekonomi yang dianjurkan oleh Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada Belanjawan 2001 yang dijadual dibentangkan pada 27 Oktober ini akan mengandungi langkah membenarkan lebih banyak pelaburan asing dalam syarikat tempatan.

Mengenai kemungkinan lebih banyak insentif diumumkan dalam belanjawan itu untuk menarik FDI dalam bahagian pelabuhan dan penerbangan, Dr Mahathir berkata, ia tidak perlu dilakukan.

Beliau menjelaskan, keputusan pelaburan dibuat bukan semata-mata berdasarkan insentif kerana negara lain juga boleh menawarkan bentuk insentif yang sama.

Ia dibuat berdasarkan keadaan politik sesebuah negara dan kestabilan selain pengurusan serta pertumbuhan ekonomi.

"Ada yang kata, negara lain menawarkan insentif lebih baik. Memang benar tetapi jika anda melihat negara lain, anda akan mendapati kelebihan kita (Malaysia). Saya bercakap dengan pelabur asing dan mereka masih yakin terhadap Malaysia untuk melabur," katanya.

Mengenai teras Belanjawan 2001, Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa mahukan belanjawan yang baik yang akan menggerakkan ekonomi.

Ditanya sama ada belanjawan nanti turut mengandungi langkah terbaru bagi mengerakkan lagi kepenggunaan dalam negara, beliau berkata, ia sudah dilakukan kerajaan apabila gaji kakitangan awam dinaikkan 10 peratus baru-baru ini.

Beliau juga berkata, kerajaan sudah berjanji untuk mengurangkan cukai korporat tetapi ia belum pasti sama ada pengurangan itu dilakukan pada belanjawan kali ini atau tahun depan.

Mengenai kemungkinan cukai lebih tinggi dikenakan terhadap industri tembakau, Dr Mahathir berkata, industri itu memang lazimnya bimbang terhadap kemungkinan itu.

"Ketika belanjawan, lazimnya cukai baru perlu dibayar (oleh industri tembakau). Sudah pasti mereka boleh bayar kerana mereka dapat hidup. Walaupun semua cukai dikenakan, mereka masih boleh hidup dan nampaknya mengaut banyak untung," katanya.

Kepada soalan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan berhasrat mengubah

semua sekolah menjadi sekolah bestari tetapi masalahnya ia tidak mempunyai wang yang mencukupi bagi melengkapkan segala kemudahan.

"Kita ingin berbuat demikian tetapi adalah lebih baik memulakannya (sekolah bestari) dengan sekumpulan sekolah dan melihat pengalaman yang kita perolehi sebelum memperluaskan program itu ke sekolah lain.

"Akhirnya nanti kita akan menukar semua sekolah menjadi sekolah bestari. Tetapi buat masa ini, kita tidak mempunyai cukup wang untuk membeli komputer dan sebagainya," katanya.

(END)